



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

**Kompleks Kementerian Kewangan**  
No.5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
**62592 PUTRAJAYA**  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : www.treasury.gov.my

S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/  
10/31 JLD.30 SK.9 (3 )  
18 Mac 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

## **SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN**

- I. SYARAT KEPADA KONTRAKTOR KELAS A UNTUK MENGEMUKAKAN LAPORAN KEWANGAN SYARIKAT YANG TELAH DIAUDIT BAGI TIGA (3) TAHUN BERTURUT-TURUT BAGI PEROLEHAN YANG DIPELAWA OLEH AGENSI;**
- II. PEMBATALAN PENGECCUALIAN GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN (*LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES - LAD*); DAN**
- III. KEPERLUAN MEMASUKKAN ELEMEN *SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)* DALAM KONTRAK BERSAMA PEMBEKAL UTILITI.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara (JKTN) Bil. 6/2010 pada 25 November 2010 telah bersetuju agar penambahbaikan dan pengukuhan terhadap syarat-syarat tender dititikberatkan agar kontraktor yang layak sahaja dipilih untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan. Selain itu, Mesyuarat JKTN tersebut juga memutuskan supaya tindakan penyelesaian mengenai kelewatan pembekalan utiliti ditangani dan diambil perhatian. Mesyuarat JKTN pada 10 Mac 2011 juga memutuskan agar syarikat-syarikat yang gagal melaksanakan projek-projek Kerajaan hendaklah disenaraihitamkan. Peraturan sedia ada yang memberi pengecualian Ganti rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages – LAD*) untuk tempoh maksimum 90 hari hendaklah dimansuhkan.

3. Selaras dengan keputusan JKTN tersebut, semua Agensi hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti berikut:

**(A) Syarat Kepada Kontraktor Kelas A Untuk Mengemukakan Laporan Kewangan Syarikat Yang Telah Diaudit Bagi Tiga (3) Tahun Berturut-Turut Bagi Perolehan Yang Dipelawa Oleh Agensi**

- 3.1 Sehubungan itu, bagi memastikan projek Kerajaan dilaksanakan oleh kontraktor yang berkeupayaan, semua Agensi yang mempelawa tender kerja di kalangan kontraktor kelas A hendaklah mewajibkan salinan Laporan Kewangan Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit bertaualiah bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebagai salah satu dokumen wajib yang perlu dikemukakan.
- 3.2 Agensi juga diingatkan supaya mewajibkan semua kontraktor yang akan menyertai perolehan kerja untuk turut mengemukakan perkara-perkara berikut:
  - i. senarai kontrak kerja semasa (kerja dalam tangan);
  - ii. laporan penyeliaan projek atas prestasi kerja semasa; dan
  - iii. laporan jurutera projek atas prestasi kerja.

**(B) Pembatalan Pengecualian LAD**

- 3.3 Kerajaan mendapati sejak kebelakangan ini, projek-projek Kerajaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak. Ini telah melewati penyampaian Kerajaan kepada rakyat dan meningkatkan kos projek, di samping menjejaskan imej Kerajaan. Oleh yang demikian, kontraktor yang melaksanakan projek Kerajaan perlu memastikan projek disiapkan mengikut syarat-syarat kontrak yang ditetapkan. Sekiranya kegagalan di pihak kontraktor, kontraktor perlu menanggung risiko ke atas kegagalan pelaksanaan kontrak berkaitan.
- 3.4 Bagi memastikan kontraktor juga mempunyai akauntabiliti ke atas kegagalan pelaksanaan projek disebabkan kesilapan kontraktor, Kerajaan memutuskan kemudahan tidak dikenakan LAD selama 3 bulan yang diberikan kepada kontraktor Bumiputera seperti yang ditetapkan dalam Perenggan 14 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 8 Tahun 1995 ditarik balik. Sehubungan dengan itu, Perenggan 14 SPP Bil. 8 Tahun 1995 adalah dibatalkan.

3.5 Agensi juga diingatkan untuk melaporkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sekiranya kontraktor yang dilantik gagal melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan kontrak bagi tujuan disenaraihitamkan.

**(C) Keperluan Memasukkan Elemen *Service Level Agreement* (SLA) Dalam Kontrak Bersama Pembekal Utiliti**

3.6 Bagi memastikan pengalihan dan pembekalan utiliti dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Agensi, kontrak pembekalan utiliti yang ditandatangani hendaklah mengandungi elemen *Service Level Agreement* (SLA). Ini bagi memastikan tahap perkhidmatan yang dikehendaki seperti tempoh pemasangan yang perlu dipatuhi, prestasi yang ditetapkan, jaminan dan denda/penalti dimasukkan dalam klausa kontrak.


3.7 Agensi dan pembekal utiliti hendaklah mengadakan rundingan mengenai elemen-elemen SLA yang dimasukkan sebagai sebahagian klausa kontrak dipersetujui bersama.

4. Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini ditandatangani dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Peraturan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara Malaysia  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri